

30/04/2001

Daim harap semua pihak hormat keputusan Mokhzani

LANGKAWI, Ahad - Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, berkata keputusan Datuk Mokhzani Mahathir mengundur diri dari dunia korporat, perlu dihormati dan diterima oleh semua pihak.

"Itu keputusan dia. Kita mesti hormat keputusan dia. Itu hak dia. Pasal apa pulak kita nak komen itu betul, ini tidak betul.

"Dia mesti fikir sedalam-dalamnya sebelum buat keputusan. Keputusan itu mesti kita terima. Dia bebas membuat keputusan apa dia mahu," katanya ketika diminta mengulas pengumuman Mokhzani untuk berundur dari bidang perniagaan.

Mokhzani membuat pengumuman itu Khamis lalu kerana kecewa dengan tohmahan pihak yang tidak bertanggungjawab memburukkan namanya dan bapanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anak kedua Perdana Menteri itu sebelum ini ialah Ketua Eksekutif Pantai Holdings Berhad (Pantai Holdings) dan Tongkah Holdings Berhad (Tongkah Holdings).

Beliau yang juga Penolong Bendahari Pergerakan Pemuda Umno, memiliki 12.6 peratus kepentingan langsung dalam Tongkah Holdings dan 32.9 peratus dalam Pantai Holdings, sebelum pengunduran itu.

Daim, ketika ditemui pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), di sini hari ini turut diminta mengulas mengenai pendapat Mokhzani bahawa pengunduran itu dapat mengelak dirinya daripada terus difitnah.

"Saya tidak ada pendapat. Itu dia punya pendapat. Kita tidak menahan ahli perniagaan menyertai politik. Yang kita tidak suka ialah kalau dia gunakan wang untuk cari pengaruh. Itu yang kita tak setuju.

"Kalau dia popular, sanggup bekerja, sanggup beri perkhidmatan kepada rakyat dan rakyat pilih dia, kita terimalah," katanya.

Daim berkata, di negara ini, orang suka menyebarkan fitnah menerusi surat layang dan akhbar angin.

"Sebab itu saya suka tegaskan, sebelum memberi pendapat haruslah dapatkan fakta sebenarnya. Ini suka dengar khabar angin, surat layanglah, akhirnya ia menjadi satu budaya yang tidak menguntungkan sesiapa pun," katanya.

Dr Mahathir, sekembalinya dari lawatan rasmi dua hari ke Dubai semalam, berkata beliau tidak boleh berbuat apa-apa jika ada pihak terus melemparkan fitnah mengenai pembabitan anaknya dalam perniagaan.

Katanya, walau apa pun dilakukan anak keduanya itu, keluarganya terus ditohmah.

(END)